

Angkasa saran pusat tafifiz tubuh koperasi

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
utusanktm@utusan.com.my

■ JERANTUT 19 OKT.

NUR



PUSAT tafifiz dan pengajian al-Quran, Madrasah al-Imaniah di Kampung Jerantut Feri di sini merintis peluang perniagaan halal apabila menubuhkan koperasinya sendiri baru-baru ini.

Perasmian koperasi berkenaan disempurnakan oleh Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah sempena program pembangunan perniagaan Koperasi Kariah Masjid (KKM) di pusat tafifiz.

Pengetua Madrasah al-Imaniah, Roslan Mohammad berkata, pengurusan pusat tafifiz berke-

naan berterima kasih dan bersyukur kerana diberi perhatian oleh Angkasa untuk menubuhkan koperasi tersebut.

"Penubuhan koperasi ini juga selari dengan ajaran Islam kerana perniagaan dianggap satu aktiviti mulia, ibadah dan sunnah Rasulullah S.A.W.

"Lagipun, perniagaan koperasi di madrasah ini memberi peluang kepada pelajar menguruskan sendiri urusan jual beli, kewangan dan lebih penting membawa manfaat bagi keseleraan mereka berbelanja keperluan tertentu," katanya selepas pelancaran KKM

Madrasah al-Imaniah di Kampung Jerantut Feri, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir Timbalan Pengurus Angkasa Zon 2, Norzari Yahya dan Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Korporat Angkasa, Borhan Mat Aris.

Sementara itu, Abdul Fattah berkata, penubuhan KKM Madrasah al-Imaniah dapat mengisi peluang perniagaan dan pengurusan jual beli berdasarkan Islam.

"Koperasi ini merintis galakan bagi pusat tafifiz di tempat lain supaya dapat menubuhkan serta menambah jumlah penyertaan koperasi (perniagaan) selari dengan transformasi bidang ekonomi berdasarkan ajaran al-Quran.

"Sehingga bulan lepas, Angkasa sudah menyelenggarakan penubuhan sebanyak 20 buah kope-

rasi daripada sejumlah 638 buah madrasah dan sekolah tafifiz berdaftar di negara ini," katanya.

Beliau menyarakkan madrasah dan sekolah tafifiz di tempat lain menubuhkan koperasi masing-masing dan Angkasa bersedia membantu dari segi latihan pengurusan, khidmat nashiat kewangan serta aktiviti tertentu dalam kalanng penggiat koperasi berkenaan.

Tambahnya, madrasah dan pusat tafifiz di negara ini sewajarnya memeladani pesantren (sekolah agama dan pondok) di Indonesia yang mempunyai koperasi berdaya saing.

"Di samping itu penubuhannya dapat mengumpul dana lumayan yang memberi manfaat untuk pembangunan pendidikan dan kebajikan pelajar di situ," katanya.



ABDUL FATTAH ABDULLAH (berdiri lapan dari kiri) bersama kakitangan pusat tafifiz Madrasah al-Imaniah selepas merasmikan Koperasi Kariah Masjid di Kampung Jerantut Feri, Jerantut, Pahang, baru-baru ini.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia